

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

**الكلية الإسلامية العالمية بين الملل**

**INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR**

---

**PEKELILING BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

**POLISI TAHAP LULUS PENILAIAN BERTERUSAN DAN PENILAIAN AKHIR  
KURSUS, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penggunaan Polisi Tahap Lulus Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir Kursus, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Polisi Tahap Lulus Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir Kursus, KUIS ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Senat Khas Bilangan 3/2020 bertarikh 10 Disember 2020.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pekeliling ini dinamakan Polisi Tahap Lulus Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir Kursus, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- 2.2 Mengikut standard program pengkomputeran, program multimedia kreatif dan program muamalat dan kewangan islam pelajar perlu lulus kedua-dua penilaian sumatif dan formatif untuk dikira lulus bagi kursus yang diambil.
- 2.3 Oleh itu, tujuan Polisi Tahap Lulus Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir Kursus dibangunkan adalah untuk memenuhi keperluan kriteria tahap lulus penilaian kursus berdasarkan standard program pengajian yang berkaitan.

### 3.0 PERATURAN


- 3.1 **Pelajar perlu lulus dalam kedua-dua komponen penilaian iaitu formatif (penilaian berterusan) dan sumatif (penilaian akhir)** untuk mendapat status **lulus** bagi kursus yang diambil dan berdasarkan **gred lulus** yang ditetapkan.
- 3.2 Tahap **gred lulus** yang ditetapkan adalah pelajar perlu memperolehi markah minima **sepuluh peratus (10%)** dari markah **penilaian berterusan (kerja kursus)** dan **sepuluh peratus (10%)** markah **penilaian akhir**.
- 3.3 Polisi ini terpakai kepada semua program pengajian di peringkat asasi, diploma dan sarjana muda.
- 3.4 Bagi kursus yang dinilai secara **kerja kursus seratus peratus (100%)** juga perlu mempunyai elemen **penilaian akhir**.
- 3.5 Penilaian akhir boleh dilaksanakan dalam bentuk ujian bertulis, ujian praktikal atau yang seumpamanya dan dibuat di akhir semester dalam tempoh waktu ditetapkan maksima sehingga empat (4) jam.
- 3.6 Penilaian akhir tidak terpakai kepada kursus seperti projek, seminar, latihan ilmiah, latihan industri dan sebarang kursus yang ditetapkan oleh fakulti.
- 3.7 Peraturan yang termaktub dalam polisi ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

### 4.0 TARIKH PELAKSANAAN

Pekeliling Polisi Tahap Lulus Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir Kursus, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berkuatkuasa mulai **Sesi I Tahun Akademik 2021/2022**.

## **5.0 PEMAKAIAN**

- 5.1 Segala tafsiran dan pindaan kepada pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan).



**PROF. DATO' DR. AB HALIM BIN TAMURI**

Rektor

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**5 Januari 2021**